

Penglibatan Nafas, Angkasa merugikan?

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN
fadhullah.adnan@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Penglibatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) dalam memperkasakan industri ayam di negara ini dibimbangi menyebabkan penternak menanggung kerugian dalam tempoh jangka masa panjang.

Seorang penternak yang enggan dikenali berkata, gabungan dua entiti itu dikhuatiri mencestuskan lambakan bekalan ayam sekali gus menyebabkan berlakunya saingan dalam penawaran harga.

Katanya, ini kerana isu berkaitan bekalan yang berlaku sebelum ini adalah disebabkan permintaan yang meningkat sullivan lebih banyak kelonggaran diberikan dan bukannya kerana kekurangan pengeluaran.

"Isu sekarang kalau kita faham dengan teliti adalah disebabkan permintaan yang meningkat berkali ganda kerana musim perayaan, rumah terbuka dan kenduri. Tetapi suasana aktiviti itu dan permintaan sekarang sudah berkurang, jadi permintaan bekalan sudah mula normal.

"Jadi, kalau tambahkan pengeluaran dan dalam masa sama permintaan tak ada, apa jadi? Harga ayam turun sampai penternak rugi sebab ayam itu tak terjual. Itu sebab susah kalau orang tak pelan dalam jangka panjang.



ORANG ramai berkunjung ke pasar raya ST Rosyam Mart di Setiawangsa bagi mendapatkan bekalan ayam. Baru-baru ini bekalan ayam mengalami gangguan ekoran permintaan tinggi semasa musim perayaan. - UTUSAN/AMIR KHALID

"Contoh sarung tangan getah. Waktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semua cari, tetapi tengok lah hari ini apabila masing-masing sudah buat (pengeluaran banyak), ada syarikat terkemuka terpaksa henti operasi sebab tak ada orang beli dan benda sama boleh jadi pada ayam," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, semalam.

Beliau menambah, pihaknya bagaimanapun tidak menghalang penglibatan kedua-dua entiti itu kerana industri ayam adalah pasaran terbuka.

Kelmarin media melaporkan, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan penglibatan Nafas dan Angkasa dalam keseluruhan ekosistem industri ayam sebagai usaha kerajaan menjamin

sekuriti makanan negara.

Langkah kedua-dua pertubuhan yang masing-masing mempunyai seramai sejuta dan tujuh juta ahli melalui 14,835 koperasi diyakini berupaya membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanan.

Dalam pada itu, Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Datuk Jeffrey Ng berkata, FLAM menyambut baik kemasukan Nafas dan Angkasa bagi memastikan bekalan dalam industri ayam terus mendapat jaminan.

"Cuma kita nasihat supaya pandai uruskan industri ini. Mana-mana syarikat perlu pandai dalam menguruskan sebab takut nanti modal yang dilabur itu habis pula," katanya.